

Kesedaran Ibu Bapa Tentang Kepentingan Pengambilan Awal Vaksin Terhadap Bayi dan Kanak-kanak. Kajian Kes: Kampung Tanjung Apong, Asajaya, Sarawak

NURUL SHAHIEZZAN SAMSUDIN* & ATHIRAH AZHAR

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak, 94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

*Corresponding author: nurul.shahiezzan@gmail.com

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui Kesedaran Ibu Bapa Tentang Pengambilan Awal Vaksin Terhadap Bayi dan Kanak-kanak di Kampung Tanjung Apong, Asajaya, Sarawak. Terdapat tiga objektif kajian iaitu untuk mengenalpasti faktor ibu bapa mengambil suntikan awal vaksin terhadap bayi mereka, untuk mengetahui kesan pengambilan suntikan awal vaksin terhadap bayi dan untuk mengetahui pandangan ibu bapa terhadap golongan anti-vaksin. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah temubual dengan mengambil lima orang penduduk kampung sebagai sampel. Sampel dipilih secara rawak di kalangan ibu bapa yang mempunyai anak dalam kategori bayi atau kanak-kanak. Kaedah analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan dapatan kajian. Hasil kajian mendapati, ibu bapa bersetuju dengan pengambilan suntikan awal vaksin kepada anak mereka. Ini dapat meningkatkan tahap kesihatan dan imunisasi anak mereka serta tiada sebarang caj tambahan. Tahap kesihatan anak juga menunjukkan kesan positif seperti kurang mengalami demam dan terhindar daripada penyakit mudah berjangkit. Ibu bapa berpendapat bahawa penolakan vaksin dari segelintir individu adalah kerana lebih mempercayai info luar berbanding bertanya sendiri kepada pakar kesihatan di klinik atau hospital. Kesimpulannya, kepentingan pengambilan suntikan vaksin yang dikatakan boleh meningkatkan kesihatan anak telah membuatkan ibu bapa bersetuju dengan pengambilan vaksin sekaligus mempercayai bahawa suntikan vaksin membantu anak membesar dengan sihat dan sempurna.

Kata Kunci: Vaksin, bayi, kanak-kanak, anti-vaksin, kesihatan, kesedaran.

ABSTRACT

The purpose of this study is to know parents' awareness on early vaccination of infants and children in Kampung Tanjung Apong, Asajaya, Sarawak. There are three objectives of the study, namely, to identify the factors indicating parents' intention for early vaccination among infants; explore the effect of early vaccination towards infant; and, examine the parents' view on the anti-vaccine group. This qualitative study uses the interview method by taking five villagers as sample. Random sampling was adopted to choose those parents with children. Simple descriptive analysis explains this study. The results of the study found that parents agreed on the early vaccination of their children to improve their health and immunization. Parents were also receptive to the idea since it was cost-free. Parents also revealed that vaccination showed positive effects towards the child's health such as less fever, and have avoided infectious diseases. Parents argue that some individuals refuse to enrol in a vaccination program for their infants and because they trust outsiders more even those without medical background, rather than refer to a health professional at a clinic or hospital. In conclusion, the importance of vaccination which is said to improve the child's health has made parents agree with the vaccine while believing that vaccine injection helps children grow up adequately healthy.

Keywords: Vaccine, infant, children, anti-vaccine, health, awareness

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

PENGENALAN

Masalah kesihatan yang melanda tanpa mengira lapisan umur menjadikan kesihatan rakyat keutamaan kepada polisi kerajaan. Selaras dengan itu, pelbagai usaha telah pihak kerajaan laksanakan dalam memastikan tahap kesihatan rakyat berada dalam tahap yang baik. Sebagai contoh, pelaksanaan program vaksinasi secara besar-besaran, iaitu suntikan vaksin yang khususnya untuk meningkatkan sistem imunisasi rakyat terutamanya kepada kanak-kanak (Ramli et al., 2019). Menurut Ramli et al., (2019) mengatakan bahawa pengambilan vaksinasi merupakan suatu keperluan yang perlu diambil secara serius oleh kesemua pihak demi kemaslahatan bersama berdasarkan kepada autoriti kerajaan dari perspektif hukum Islam. Dalam hal ini, pemerintah sememangnya mempunyai kuasa untuk menetapkan sesuatu perkara ke atas rakyat di bawah pemerintahannya. Azzahra dan Ramli (2017) mengatakan bahawa isu golongan ibu bapa yang menolak vaksin sangat membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Hal ini menyebabkan peningkatan jumlah kes penyakit cegahan vaksin di Malaysia kian meningkat. Malah, kebimbangan terhadap isu ini menjadikan serta mendorong pelbagai pihak untuk mencari langkah yang efektif dalam menyelesaikannya. Pengambilan suntikan awal vaksin terhadap bayi bukanlah satu paksaan kepada ibu bapa dan penjaga. Menurut Alonso et al., (2001) pengambilan vaksin tidak wajib kepada masyarakat namun disarankan dalam usaha mengurangkan kadar jangkitan penyakit berjangkit. Tetapi, sekiranya mereka tidak membenarkan anak-anak mereka mengambil suntikan awal vaksin, pihak kesihatan tidak akan melakukan sebarang suntikan tanpa meminta kebenaran mereka terlebih dahulu. Golongan sebegini di panggil sebagai golongan yang menolak vaksin, berkemungkinan mereka mempunyai alasan tersendiri mengapa memutuskan untuk menolak pengambilan suntikan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memenuhi tiga objektif kajian iaitu untuk mengetahui faktor pengambilan suntikan awal vaksin terhadap bayi, kesan pengambilan suntikan awal vaksin kepada bayi dan pandangan ibu bapa terhadap golongan anti-vaksin. Dapatan daripada kajian ini di harap dapat memberi kesedaran betapa pentingnya suntikan awal vaksin kepada bayi selain membuka mata golongan anti-vaksin.

KAJIAN LEPAS

Kesedaran tentang pengambilan suntikan vaksin

Pengambilan suntikan vaksin begitu disarankan kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur di mana golongan bayi dan kanak-kanak sangat ditekankan untuk mengambil suntikan awal vaksin tersebut. Berdasarkan kepada kajian Azzahra dan Ramli (2017) suntikan vaksin yang masuk ke dalam badan manusia akan membentuk antibodi yang membolehkan satu memori terhadap imunisasi sesuatu penyakit tercetus. Maka, sekiranya penyakit berjangkit menyerang, sistem ketahanan badan dapat merangsangkan memori yang sedia ada untuk melawan penyakit daripada memudaratkan tubuh badan manusia. Menurut Hamid (2018) faedah daripada vaksinasi ini dapat mengelakkan kanak-kanak dijangkiti daripada pelbagai penyakit berjangkit yang serius seperti *Tuberculosis*, *Polio*, campak dan sebagainya. Penyakit berjangkit ini boleh mengakibatkan kecacatan dan juga kematian sekiranya tidak menerima suntikan vaksin dengan kadar segera. Seeni (2018) menyatakan bahawa pemberian vaksin adalah bertujuan untuk mencapai *herd immunity* atau imuniti berkelompok. Imuniti berkelompok bermaksud menghalang virus daripada memasuki kelompok masyarakat seluruh tempat. Memetik kajian daripada Azzahra dan Ramli (2017) tentang keberkesanan pengambilan vaksin telah terbukti menyelamatkan ribuan nyawa daripada penyakit-penyakit cegahan vaksin yang menyebabkan penyakit yang serius. Hal ini menjadikan vaksinasi sebagai salah satu langkah pencegahan yang berjaya dalam mengurangkan kadar jangkitan dalam sesebuah komuniti.

Peningkatan daripada kes kematian yang disebabkan oleh penolakan suntikan vaksin menjadikan faktor pentingnya pengambilan suntikan awal vaksin berkenaan. Dalam kajian Azzahra dan Ramli (2017), faktor pengambilan vaksin bukan sahaja satu kewajipan tetapi mendatangkan banyak kebaikan namun kebaikan daripada suntikan vaksin ini akan menerima beberapa keburukan dalam jangka masa yang lama sekiranya pihak berkuasa tidak mentadbir secara baik. Pengambilan suntikan vaksin ini turut membantu menguatkan sistem imunisasi badan bayi sekali gus dapat merangsangkan sel pertahanan mereka. Menurut Ramli et al., (2019) mengatakan bahawa jika tersilap langkah dalam mengawasi sistem kewajipan vaksinasi, pihak kerajaan boleh terdedah kepada reaksi dan kecaman yang agak keras daripada kelompok masyarakat yang menolak program vaksinasi suntikan vaksin. Hamid (2018) menyarankan pihak kerajaan memberikan pencerahan secara berterusan berkaitan dengan suntikan vaksin kepada masyarakat supaya masyarakat lebih prihatin tentang pencegahan penyakit bagi meningkatkan tahap kesihatan anak mereka. Oleh itu, suntikan vaksin sangat digalakkan untuk kanak-kanak supaya diberikan imunisasi seawal mungkin yang sejajar dengan jadual imunisasi yang telah ditetapkan (Yeong, 2015). Selain itu, selaras dengan konsep vaksin itu sendiri dapat mengurangkan risiko daripada terkena penyakit cegahan vaksin (Azzahra dan Ramli, 2017).

Melalui kajian Hamid (2018), maklumat yang palsu mengenai vaksin telah memberikan kesan yang memudaratkan kepada pelbagai lapisan masyarakat kerana mereka bimbang pengambilan suntikan vaksin akan memberi kesan buruk. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2015) suntikan vaksin mengandungi kesan sampingan yang memberikan kesan kesakitan dan kemerahan pada tempat suntikan atau demam tetapi kesan tersebut hanyalah kesan yang ringan dan akan sembuh dengan kadar segera. Kedua-dua pihak berkenaan turut mengatakan bahawa kesan suntikan vaksin turut mengalami kesan yang serius namun jarang berlaku. Selain itu, kesan pengambilan suntikan vaksin turut mempunyai kesan buruknya. Hal ini kerana vaksin mengandungi pelbagai bahan kimia yang mengandungi merkuri, formaldehid dan nanobakteria di mana telah menjadi penyebab berlakunya komplikasi kepada penyakit lain yang membimbangkan, seperti autisme, leukemia, kanser, sindrom bayi kematian mengejut, ekzema dan banyak lagi (Kata, 2010).

Pandangan ibu bapa terhadap golongan anti-vaksin

Terdapat sebahagian daripada golongan ibu bapa yang masih memandang remeh suntikan vaksin terhadap anak mereka, seolah-olah tanpa vaksin anak mereka sama seperti kanak-kanak yang mengambil suntikan tersebut (Azzahra dan Ramli, 2017). Ketakutan yang melampau yang di sebabkan oleh terpengaruh dengan berita palsu turut menjadi penyebab golongan anti-vaksin ini bertegas untuk tidak mengambil suntikan vaksin. World Health Organization (WHO) mengatakan bahawa golongan anti-vaksin ini merupakan ancaman kepada kesihatan global bagi tahun ini (Zaitie, 2020). Malah, Azzahra dan Ramli (2017) menyatakan isu golongan ibu bapa yang menolak vaksin sangat membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Kebimbangan terhadap isu ini menjadikan dan mendorong pelbagai pihak untuk mencari langkah yang efektif dalam menyelesaikan isu ini.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kaedah pengumpulan data adalah melalui temu bual bersama responden. Kaedah penyelidikan kualitatif ini adalah memfokuskan kepada kajian kes di Kampung Tanjung Apong yang terletak di Asajaya, Sarawak. Majoriti penduduk yang tinggal di sini adalah daripada etnik Melayu. Malah, semua responden yang ditemubual adalah Melayu. Pengkaji menemubual melalui panggilan telefon atau *Whatsapp Videocall* memandangkan semasa kajian dijalankan jumlah kes COVID adalah tinggi di kebanyakan kawasan. 5 orang responden yang tinggal di kampung berkenaan telah dipilih secara rawak di kalangan ibu bapa yang mempunyai anak dalam kategori bayi atau kanak-kanak. Pengkaji menggunakan kaedah data analisis deskriptif untuk menghuraikan data terkumpul.

Untuk etika dalam penyelidikan, pengkaji menyebarkan pautan *Google Form* kepada penduduk Kampung Tanjung Apong yang mempunyai bayi dan kanak-kanak melalui aplikasi *WhatsApp*. Di dalam pautan *Google Form* berkenaan mengandungi latar belakang demografi responden dan turut disertakan dengan persetujuan daripada ibu bapa untuk persetujuan menghadiri sesi temu bual secara atas talian. Selain itu, pengkaji juga telah mendapatkan kebenaran daripada responden untuk merakam perbualan.

DAPATAN KAJIAN

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah 5 orang yang merupakan penduduk tetap di Kampung Tanjung Apong, Asajaya, Sarawak. Responden terdiri daripada pelbagai latar belakang iaitu umur sekitar 20-an, 30-an dan 40-an. Kepelbagaian juga dari segi status pekerjaan dan bilangan anak. Butiran demografi responden yang lebih terperinci boleh dirujuk di Jadual 1.

Jadual 1: Demografi Responden

Responden	Umur (Tahun)	Jantina	Status Pekerjaan	Bilangan Anak (Bayi/Kanak)
1	46	Lelaki	Bekerja	3 (Kanak-Kanak)
2	46	Perempuan	Bekerja	1 (Kanak-Kanak)
3	36	Perempuan	Tidak Bekerja	1 (Kanak-Kanak)
4	38	Perempuan	Bekerja	1 (Kanak-Kanak)
5	25	Perempuan	Tidak Bekerja	1 (Bayi)

Pengetahuan ibu bapa terhadap suntikan awal vaksin

Pengkaji bertanya kepada responden mengenai suntikan vaksin dan responden mengatakan bahawa suntikan vaksin telah meningkatkan daya tahan badan atau sistem imunisasi anak mereka. Malah, ia turut memberi kesan yang positif kepada anak mereka. Responden 1 mengatakan bahawa terdapat pelbagai jenis vaksin yang telah diterima anaknya semasa kecil. Merujuk kepada petikan di bawah senarai suntikan vaksin yang telah diterima oleh anak kepada Responden 1.

“Bila di tengok pada vaksin berkenaan, kita ketahui banyak jenis vaksin seperti vaksin polio, vaksin BCG dan sebagainya kan.”

(Responden 1)

Responden 1 turut mengatakan bahawa kesan daripada suntikan berkenaan telah menyebabkan demam campak tidak lagi menjangkiti anaknya. Suntikan vaksin seakan-akan telah membuktikan keberkesannya maka sebagai seorang bapa beliau telah mengambil keputusan untuk bersetuju memvaksin anak kedua dan ketiga demi kesejahteraan hidup mereka juga. Merujuk kepada Responden 2, suntikan vaksin ini merupakan satu langkah untuk mencegah penyakit cegahan vaksin. Hal ini kerana daya tahan badan anaknya kian meningkatkan serta mengurangkan kebimbangannya terhadap kesihatan anaknya di masa hadapan.

“vaksin ini merupakan satu cara untuk mencegah penyakit dan yang kedua bagi saya boleh meningkatkan daya tahan badan anak saya di mana membolehkan kanak-kanak melangsungkan kehidupan mereka juga nanti.”

(Responden 2)

Keberkesanan daripada pengambilan suntikan vaksin menyebabkan responden 5 sangat menggalakkan ibu bapa di luar sana untuk bersetuju menerima suntikan tanpa perlu meragui dan mengendahkan kebaikan pengambilan vaksin tersebut.

“Hal ini telah meyakinkan diri saya untuk menggalakkan ibu bapa di luar sana untuk tidak mengendahkan pengambilan suntikan vaksin kepada anak mereka semasa masih kecil.”

(Responden 5)

Seterusnya, semua responden bersetuju sekiranya suntikan vaksin ini diwajibkan kepada semua bayi dan kanak-kanak. Seperti yang diketahui, setiap pengambilan suntikan vaksin adalah percuma namun, ia bukan alasan untuk golongan ibu bapa menolak vaksin jika hanya mendengar dari segelintir golongan yang memilih untuk menolak vaksin. Pengkaji turut berkesempatan untuk bertanya tentang nasib anak yang tidak diberi suntikan vaksin. Menurut Responden 5, anak yang tidak disuntik vaksin adalah berisiko tinggi didatangi penyakit serta mudah dijangkiti oleh virus dan penyakit berbahaya. Hal ini kerana sistem imunisasi badan bayi dan kanak-kanak tidak dapat melawan penyakit yang menyerang mereka.

“nasib anak yang tidak menerima suntikan vaksin ini dari mereka masih kecil, berkemungkinan berisiko tinggi dijangkiti penyakit yang berbahaya.”

(Responden 5)

Responden 4 mengatakan beliau tidak begitu yakin akan kemudaran yang bakal anak tersebut hadapi namun, berkemungkinan anak tersebut akan diserang penyakit pada usia yang muda seperti mengalami cirit birit, mudah selesema dan mudah demam. Petikan daripada Responden 4 mengenai kesan yang diterima oleh anak yang tidak di suntik dengan suntikan vaksin seperti di bawah.

“Saya kurang pasti bagaimana nasib anak yang tidak menerima suntikan vaksin namun saya percaya ibu bapa mereka mungkin mempunyai cara tersendiri untuk memastikan anak mereka membesar seperti kanak-kanak yang lain”.

(Responden 4)

Responden 1 menyatakan bahawa golongan ibu bapa yang dipercayai tidak mengambil suntikan vaksin akan dipanggil hadir ke klinik untuk disoal tentang ketidakhadiran mereka semasa temu janji suntikan vaksin. Hal ini kerana pihak klinik mahukan yang terbaik untuk setiap individu. Sekiranya individu tidak mematuhi arahan atau

sengaja tidak mahu mengikut jadual temu janji di klinik, individu berkenaan akan dipanggil untuk mendapatkan kepastian daripadanya. Berikut merupakan petikan temu bual Responden 1.

“Bagi saya untuk ibu bapa yang menolak vaksin ini atau ibu bapa yang tidak menghadirkan diri selepas 2 bulan anak dilahirkan ke klinik, saya rasakan tindakan mereka begitu merugikan di mana vaksin berkenaan adalah percuma sahaja betul?.”

(Responden 1)

Oleh itu, pentingnya untuk mendapatkan nasihat dari pakar serta mendapatkan maklumat mengenai vaksin yang diambil sebelum memutuskan untuk menolak dan sebaliknya. Berjumpa dengan pihak kesihatan adalah yang terbaik sekiranya masih ragu serta kurang mengetahui kepentingan pengambilan suntikan vaksin terhadap bayi dan kanak-kanak.

Pandangan ibu bapa mengenai kesan pengambilan suntikan awal vaksin

Suntikan vaksin terbukti keberkesannya malah begitu digalakkan untuk mengambil suntikan awal vaksin terhadap bayi dan kanak-kanak. Pengkaji bertanyakan kepada responden kesan yang terhadap anak mereka setelah disuntik serta perbezaannya sebelum disuntik. Kesemua responden yang ditemubual bersetuju bahawa pengambilan suntikan vaksin ini memberi kesan yang positif malah turut memberi kebaikan terhadap kesihatan anak mereka. Suntikan vaksin yang diberikan kepada bayi dan kanak-kanak terbukti berkesan untuk mengurangkan kadar jangkitan serta membantu meningkatkan tahap kesihatan anak dari semasa ke semasa. Berikut merupakan petikan jawapan daripada Responden 1, 3 dan 4.

“Perubahan yang saya nampak pada anak saya ialah mungkin tidak sama seperti yang isteri saya nampak disebabkan isteri saya sentiasa bersama dengan mereka. Saya boleh katakan di sini suntikan vaksin sangat membantu menghalang penyakit berjangkit pada anak saya.”

(Responden 1)

“Pada pandangan saya, saya dapati terdapat perubahan sedikit pada anak saya. Anak saya ada mengalami demam biasa selepas suntikan berkenaan dan turut terdapat kesan lebam. Namun, kesan tersebut tidaklah lama hanya dalam tempoh seminggu sahaja. Selepas itu, kesan lebam mahu pun demam mula beransur hilang.”

(Responden 3)

“Selepas anak saya menerima suntikan vaksin, anak saya kurang mengalami demam yang teruk. Sebagai contoh, batuk atau selesema. Itulah kesan yang terdapat pada anak saya selepas menerima suntikan vaksin berbanding dengan sebelumnya.”

(Responden 4)

Melihat kepada perkembangan dan kesihatan anak sendiri, salah seorang responden bersyukur kerana kesemua anaknya telah diberikan suntikan awal vaksin. Pernyataan berikut adalah dari seorang bapa Responden 1 seperti di bawah.

“Setakat ini suntikan vaksin terbukti berkesan dan memberikan sesuatu yang positif kepada anak-anak saya terutamanya terhadap aspek kesihatan mereka. Sebagai bapa kepada 3 anak lelaki saya bersyukur kerana membuat keputusan untuk menerima suntikan vaksin berkenaan.”

(Responden 1)

Pandangan ibu bapa mengenai golongan yang menolak suntikan awal vaksin

Suntikan vaksin untuk bayi dan kanak-kanak diberikan secara percuma oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Golongan yang memutuskan untuk menolak suntikan vaksin kepada anak berkemungkinan disebabkan mereka mempunyai alasan tersendiri seperti hak untuk menolak. Berikut adalah pandangan daripada Responden 3, 4 dan 5 mengenai isu berkenaan.

“Tidak dinafikan juga mereka terpengaruh dengan anasir-anasir negatif daripada pandangan masyarakat yang menolak vaksin.”

(Responden 3)

“Saya berasa sedih golongan sebegini seakan-akan bakal memberi kesan kepada pertumbuhan anak mereka nanti.”

(Responden 4)

“Sukar bagi saya untuk mengatakan mengapa golongan sebegini memutuskan untuk menolak kerana kita mempunyai perbezaan pendapat dan sebagainya. Saya hanya kluatir nasib yang menimpa anak namun kita perlu menghormati keputusan pihak lain.”

(Responden 5)

Keberkesanan daripada suntikan vaksin ini masih belum mampu untuk membuat golongan yang menolak vaksin menyedari tentang kebaikan suntikan awal vaksin untuk anak mereka.

PERBINCANGAN

Pada bahagian ini pengkaji membincangkan tiga objektif kajian iaitu faktor pengambilan suntikan awal vaksin terhadap bayi dan kanak-kanak, kesan pengambilan suntikan awal vaksin terhadap bayi dan kanak-kanak dan pandangan ibu bapa terhadap golongan anti-vaksin.

Faktor ibu bapa mengambil suntikan awal vaksin terhadap bayi dan kanak-kanak

Faktor pengambilan suntikan vaksin terhadap bayi dan kanak-kanak adalah disebabkan oleh keberkesanan yang terdapat dalam vaksin seperti meningkatkan tahap kesihatan dan sistem imunisasi anak serta memberikan perlindungan daripada dijangkiti penyakit berjangkit. Berdasarkan kepada kajian Yeong (2015) golongan kanak-kanak merupakan golongan yang mudah dijangkiti penyakit cegah vaksin. Yeong (2015) juga turut mengatakan sistem imunisasi kanak-kanak lebih lemah berbanding orang dewasa. Pengambilan suntikan awal vaksin dapat membantu menguatkan sistem imun mereka sekali gus dapat merangsangkan sel pertahanan badan anak mereka. Vaksin juga dapat memberikan perlindungan sekiranya berlaku komplikasi yang mengancam nyawa. Oleh itu, suntikan vaksin sangat digalakkan untuk kanak-kanak supaya diberikan imunisasi seawal mungkin sejajar dengan jadual imunisasi yang telah ditetapkan. (Yeong, 2015)

Suntikan vaksin yang diberikan secara percuma kepada lapisan masyarakat tanpa dikenakan sebarang caj tambahan di antara faktor utama pengambilan suntikan vaksin dalam kalangan ibu bapa. Mewajibkan pengambilan suntikan vaksin membantu mengurangkan kadar jangkitan penyakit berjangkit seperti penyakit yang dibawa oleh golongan anti-vaksin. Hal ini sama seperti yang terdapat pada kajian Azzahra dan Ramli (2017) yang berlandaskan kepada perspektif Islam, kebenaran pemerintah dalam menetapkan keperluan vaksinasi merupakan suatu kewajipan kepada seluruh anggota masyarakat selaras dengan prinsip masalah. Keperluan suntikan vaksin selaras dengan konsep vaksin itu sendiri yang boleh mengurangkan risiko daripada dijangkiti penyakit cegah vaksin (Azzahra dan Ramli, 2017).

Kesan pengambilan suntikan awal vaksin terhadap bayi dan kanak-kanak

Bagi objektif ini ada di antara ibu bapa mengatakan selepas suntikan awal vaksin diberikan, terdapat kesan lebam dan kemerahan pada anaknya namun tidak sehingga membahayakan kesihatan bayi mahupun kanak-kanak. Malah, tahap kesihatan anak menunjukkan peningkatan positif seperti kurang mengalami demam dan terhindar daripada penyakit mudah berjangkit. Kenyataan ini berhubungkait dengan maklumat yang disampaikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2015) bahawa suntikan vaksin mengandungi kesan sampingan yang memberikan kesan kesakitan dan kemerahan pada tempat suntikan atau mengalami demam tetapi kesan tersebut hanyalah kesan yang ringan dan akan sembuh dengan kadar segera. Malah, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Islam Malaysia (2015) turut mengatakan bahawa kesan suntikan vaksin turut memberi kesan yang serius namun ia jarang berlaku.

Penerima vaksin akan mendapat kesan yang positif berbanding kesan yang boleh memudaratkan kesihatan bayi dan kanak-kanak. Kesihatan bayi dan kanak-kanak akan terjejas sehingga memudaratkan diri sekiranya ibu bapa memilih untuk tidak mengambil suntikan awal vaksin kepada anak-anak mereka. Hal ini kerana golongan bayi dan kanak-kanak mudah diserang penyakit kerana tiada sistem tahanan badan yang boleh membunuh virus atau kuman yang merebak. Terdapat hubungkait di antara kenyataan di atas dengan kajian yang telah dijalankan oleh Kimmel et al., (2003) mengenai kesan penolakan vaksin terhadap kanak-kanak di mana mereka lebih cenderung untuk mendapat penyakit berjangkit seperti demam campak berbanding golongan kanak-kanak yang menerima suntikan vaksin. Lantaran turut menunjukkan bahawa sebanyak 22 kali ganda penerima suntikan vaksin berbanding mereka yang menolak menurut kajian Kimmel et al., (2003).

Pandangan ibu bapa terhadap golongan anti-vaksin

Golongan ibu bapa mengatakan isu penolakan vaksin merupakan keputusan peribadi namun ia boleh menandatangani keburukan kepada anak memandangkan suntikan vaksin berjaya membuktikan keberkesannya.

Tidak dinafikan golongan anti-vaksin mudah terpengaruh kepada berita yang tidak sahih sehingga mendatangkan kesan negatif yang menjurus kepada peningkatan jumlah anti-vaksin. Hal ini boleh dirujuk kepada kajian Azzahra dan Ramli (2017) yang mengatakan bahawa isu golongan ibu bapa yang menolak vaksin sangat membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Hal ini menyebabkan peningkatan jumlah kes penyakit cegahan vaksin di Malaysia kian meningkat. Malah, kebimbangan terhadap isu ini menjadikan dan mendorong pelbagai pihak untuk mencari langkah yang efektif dalam menyelesaikan isu ini (Azzahra dan Ramli, 2017).

Penolakan vaksin yang di sebabkan oleh segelintir ibu bapa percaya bahawa terdapat kaedah lain dalam meningkatkan tahap kesihatan anak mereka serta lebih mempercayai info luar berbanding bertanya sendiri kepada pakar kesihatan di klinik atau hospital. Tidak dinafikan setiap ibu bapa inginkan yang terbaik dan tahu apa yang mereka lakukan termasuklah memutuskan untuk tidak mengambil suntikan vaksin walaupun telah disarankan oleh pihak klinik dan hospital. Golongan anti-vaksin ini membebankan pihak tertentu dalam membasmi penyakit berjangkit yang boleh membawa maut. Dalam kajian Zaitie (2020) penularan maklumat palsu mengenai vaksin menimbulkan kebimbangan pihak KKM serta turut mewujudkan golongan yang terang-terangan mempengaruhi orang awam untuk menolak vaksin. Penolakan untuk mengambil suntikan vaksin menyebabkan usaha Kementerian dalam menangani kadar penyakit berjangkit menjadi sukar memandangkan golongan anti-vaksin ini semakin meningkat. Malah, World Health Organization (WHO) mengatakan bahawa golongan anti-vaksin ini merupakan ancaman kepada kesihatan global. (Zaitie, 2020)

Golongan anti-vaksin seperti yang ibu bapa katakan mempunyai hak sendiri dalam memutuskan apa yang terbaik kepada anak mereka terutamanya dalam aspek kesihatan. Namun begitu, kesan yang memudaratkan tidak dinafikan boleh terjadi kepada anak yang tidak diberi suntikan vaksin malah turut memberi kesan yang buruk kepada masyarakat sekeliling. Merujuk kepada Jawatankuasa Penasihat Vaksin Negara (2015) mengatakan bahawa pengambilan vaksinasi sangat penting dan mestilah tepat pada masanya. Kanak-kanak yang tidak diberi vaksinasi berkemungkinan merupakan satu pilihan di mana menanggung atau menolak menerima vaksin seperti vaksinasi untuk demam campak. Penolakan ini menyebabkan masyarakat juga terdedah kepada jangkitan. Ibu bapa atau penjaga haruslah memainkan peranan sewajarnya supaya anak tidak menanggung akibat di sebabkan oleh sikap mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini memperlihatkan bahawa pentingnya untuk mempunyai maklumat yang betul dan kesedaran mengenai kesihatan bayi dan kanak-kanak. Pengambilan suntikan vaksin merupakan salah satu langkah yang efektif untuk mencegah penyakit cegahan vaksin sekali gus meningkatkan sistem imunisasi manusia tanpa mengira umur terutamanya kepada bayi dan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, setiap suntikan yang diterima oleh bayi dan kanak-kanak adalah percuma tanpa perlu mengeluarkan sebarang wang ringgit, tetapi hanya mendapatkan persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga. Namun, golongan yang menolak suntikan vaksin kepada bayi dan kanak-kanak atau lebih di kenali sebagai golongan anti-vaksin ini sememangnya akan menyukarkan pihak yang berkaitan untuk terus memperkasakan program vaksinasi setiap tahun. Kesimpulannya, kepentingan pengambilan suntikan vaksin yang dikatakan boleh meningkatkan kesihatan anak telah membuatkan ibu bapa bersetuju dengan pengambilan vaksin sekaligus mempercayai bahawa suntikan vaksin membantu anak membesar dengan sihat dan sempurna.

RUJUKAN

- Alonso, J. A. N., González, P. J. B., & Carbonell, J. C. N. (2001). Analysis of factors influencing vaccine uptake: perspective from Spain. *Vaccine*, 20, S13-S15. [https://doi.org/10.1016/S0264-410X\(01\)00300-0](https://doi.org/10.1016/S0264-410X(01)00300-0)
- Azzahra, T. F & Ramli, M. A. (2017). Penetapan keperluan vaksinasi terhadap kanak-kanak oleh pemerintah menurut perspektif Syarak. *The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*. https://www.researchgate.net/publication/314443680_Penetapan_Keperluan_Vaksinasi_Terhadap_Kanak-kanak_Oleh_Pemerintah_Menurut_Perspektif_Syarak
- Hamid, S. A (2018). Anti Vaksin: Apakah Natijahnya Kepada Masyarakat. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. PASAK3_1119.pdf (kuis.edu.my).
- Jawatankuasa Penasihat Vaksin Negara (2015). Menilai Keadaan Kepercayaan Vaksin di Amerika Syarikat: Cadangan dari Jawatankuasa Penasihat Vaksin Nasional. Laporan Kesihatan Awam (1974-), 130(6), 573-595. <http://www.jstor.org/stable/43776224>

- Kata, A. (2010). A postmodern Pandora's box: Anti-vaccination misinformation on the internet. *Vaccine* 28 (7), 1709-1716. <https://immunize.ca/sites/default/files/resources/1700e.pdf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Soalan Lazim Mengenai Vaksin dan Imunisasi. https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&ved=2ahUKEwjmm7qNsvvyAhWGxDgGHWcAAQMqFnoECAUQAQ&url=https%3A%2F%2Fwww.moh.gov.my%2Findex.php%2Ffile_manager%2Fdl_item%2F554756755a584a69615852686269394859584a70637942515957356b645746754c31426c626d6431636e567a595734675330567a615768686447467549435967613246335957786862694277655774706443395462324673595735666247463661573166596d5679613246706447467558315a6861334e70626c394a6258567561584e6863326c664d4449774e7a49774d5455756347526d&usg=AOvVaw0zERTY1vC3AdGBzMmBZH6m
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2015). Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. <http://fh.moh.gov.my/v3/index.php/52-sektor-kesihatan-sekolah>
- Kimmel, S. R., Burns, I. T., Wolfe, R. M., & Zimmerman, R. K. (2007). Addressing immunization barriers, benefits, and risks. *Journal of Family Practice*, 56(2), S61-S61.
- Ramli, M. A., Tengku Md Fauzi, T. F. A., & Mohd Razif, N. F. (2019). Autoriti Kerajaan Dalam Mewajibkan Vaksinasi Kanak-kanak: Kajian Menurut Perspektif Hukum Islam (Authority of the Government to Enforce Child Vaccination: A Study from the Islamic Ruling Perspective). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2), 21–35. <https://doi.org/10.11113/umran2019.6n2.243>
- Seeni, S. (2018). Apakah Kepentingan Vaksin, Adakah Vaksin Perlu Diwajibkan?. <https://www.doctoroncall.com.my/kepentingan-vaksin#show>
- Yeong, M. L. (2015). Imunisasi: Fakta dan Kemusykilan. Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my/imunisasi-fakta-dan-kemusykilan/>
- Zaitie, S. (2020, December 11). Tolak Vaksin Ancam Kesihatan Global. *Harian Metro*. <http://www.hmetro.com.my/sihat/2019/02/42051/tolak-ancam-kesihatan-global>